

JOM DERMA DARAH @ PPST 2022



Bertempat di Bilik Tutorial 1-5, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan program derma darah pada 9 dan 10 Mac 2022 yang lalu. Program ini merupakan julung kali dianjurkan oleh PPST bagi memberi pendedahan kepada para pelajar ASASI merasai sendiri pengalaman sebagai penderma darah.

Berdasarkan kriteria penderma darah yang perlu berusia 17 hingga 60 tahun [1], aktiviti menderma darah ini merupakan pengalaman pertama bagi kebanyakan pelajar-pelajar Asasi UMS yang merupakan pelajar lepasan SPM.

Bagi menyahut seruan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyasarkan sekurang-kurangnya 5% rakyat Malaysia sebagai penderma darah [1], aktiviti ini bermatlamat untuk menjadi platfrom bagi menyemarakkan kesedaran di kalangan para pelajar akan kepentingannya menderma darah sebagai sumbangan kepada masyarakat.

Dalam pada masa yang sama, bekalan darah di negeri Sabah turut berada di tahap kritikal disebabkan penularan pandemik Covid-19 [2]. Oleh itu, PPST melalui kursus Biologi SB0024 (Fisiologi dan Genetik) dan SB0021 (Amali Biologi 2) bersama-sama Majlis Perwakilan Pelajar Asasi (MPP Asasi sesi 2021/2022) serta Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Queen Elizabeth II (QEII), Kota Kinabalu telah menganjurkan program derma darah ini bagi membantu menambah bekalan darah yang diperlukan di negeri ini.





Uniknya, aktiviti program derma darah kali ini dilaksanakan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat kerana negara masih berada dalam tempoh fasa kawalan pergerakan sebelum beralih kepada fasa endemik. SOP khusus bagi program ini telah disediakan bagi mewujudkan persekitaran derma darah yang mengutamakan aspek keselamatan, kesihatan dan kebaikan para peserta dan pengunjung.

Antaranya adalah menghadkan tempoh penganjuran program selama 6 jam dan memastikan kapasiti maksimum ruang penganjuran program hanya 1/3 daripada ruang yang disediakan. Selain daripada itu, susunatur kerusi dan meja telah disediakan sesuai dengan syarat penjarakan fizikal iaitu minimum 1 meter.

Pihak Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Queen Elizabeth II (QEII) turut menyediakan video panduan sebagai persediaan penderma darah kali pertama [3]. Hasil daripada 2 hari program derma darah ini, seramai 93 orang telah mendaftar sebagai penderma dan seramai 56 orang telah berjaya menderma darah. Bukan sahaja pelajar-pelajar Asasi, kakitangan UMS dan orang awam turut terlibat sebagai penderma. Secara keseluruhan, program ini berupaya menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran para pelajar Asasi UMS terhadap kepentingan menderma darah dan pendedahan akan proses dan kriteria sebagai seorang penderma.

Sebagai kesimpulan, pihak pengajur mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan kempen derma darah PPST samada secara langsung ataupun tidak. Diharapkan kerjasama seperti ini terus terjalin dan berterusan antara PPST melalui Majlis Perwakilan Pelajar dan pihak Hospital Queen Elizabeth (II) pada masa mendatang bagi kelangsungan bekalan darah di Negeri Sabah. Seperti kata pepatah,

berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Rujukan:

- [1] <http://www.myhealth.gov.my/derma-darah/>
- [2] [https://www.sinharharian.com.my/article/140023/EDISI/Bekalan-darah-di-Sabah-kritikal-benarkan-penularan Covid-19](https://www.sinharharian.com.my/article/140023/EDISI/Bekalan-darah-di-Sabah-kritikal-benarkan-penularan-Covid-19)
- [3] <https://youtube.com/watch?v=GImluI1WH3g&feature=share>



Disediakan oleh:

Farah Nadia Omar & Sitty Nur Syafa Bakri
Pusat Persediaan Sains dan Teknologi,
Universiti Malaysia Sabah